



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 26 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESAWAH BIMBANG HASIL PADI ROSAK, NEGARA, KOSMO -15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	100 UNIT PENEMPATAN SEMULA NELAYAN BAKAL DIBINA, BERITA RTM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	90 PERATUS KELUARGA TERPILIH DI PERAK TERIMA KIT PAKEJ BUMI HUAU, NEGERI, SH -28	LAIN-LAIN
4.	TAK RAMAI MENCARUM, LOKAL, HM -27	
5.	WARIS NELAYAN LEMAS TERIMA MANFAAT SKSPS DARIPADA PERKESO, NEGERI KEDAH, SH -27	
6.	NELAYAN KENA CARUM PERKESO DEMI MASA DEPAN, DALAM NEGERI, UM -10	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



PESAWAH di Kampung Budi, Jitra menunjukkan tanaman mereka yang tenggelam berikutan hujan lebat baru-baru ini.

Tandop dipenuhi sampah punca air tersekat

Pesawah bimbang hasil padi rosak

Isu Setempat

Oleh **MOHD. RIFAAT ABD. HAMID**

JITRA – Kira-kira 15 pesawah dari tiga buah kampung di Mukim Jeram di sini bimbang hasil padi mereka terjejas apabila air hujan yang bertakung di dalam sawah tidak dapat disalurkan keluar sejak dua minggu lalu.

Masalah itu membabitkan lebih 11 hektar sawah di Kampung Budi, Kampung Pulau Timbul dan Kampung Raja yang kini menunggu masa untuk dituai.

Pesawah, Zubaidi Fadil, 52, berkata, kejadian itu berlaku selepas hujan lebat di kawasan berkenaan baru-baru ini.

"Kami tidak dapat menyalurkan air yang bertakung kerana tandop di Sungai Budi tidak diselenggara dengan baik.

"Sungai itu dipenuhi sampah dan pokok kiambang sehingga menyebabkan air mengalir sangat

perlahan," katanya ketika ditemui di Kampung Budi baru-baru ini.

Menurut Zubadi, dia berdepan kerugian hampir RM10,000 sekiranya masalah itu tidak dapat diatasi dalam masa terdekat.

Seorang lagi pesawah, Rohaizad Wahab, 45, berkata, terdapat padi di beberapa petak sawah yang sudah tenggelam sepenuhnya dan tidak boleh dituai.

Katanya, dia berasa sedih mengenangkan padi di kawasan tersebut yang akan musnah sekiranya pihak bertanggungjawab tidak menyelenggara tandop dengan segera.

"Kebanyakan penduduk kampung di sini bergantung kepada hasil padi dan sekiranya tiada hasil kami akan kehilangan sumber pendapatan.

"Bagaimana kami hendak menanam padi untuk musim akan datang kerana semuanya memerlukan modal untuk kerja-kerja membajak, menanam, menabur baja, meracun sehinggalah proses menuai," katanya.

Justeru, beliau berharap Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dapat mengambil tindakan secepat mungkin agar pesawah tidak menanggung kerugian tinggi pada musim ini.

Sementara itu, Ketua Cawangan Komunikasi Korporat MADA, Mohd. Hafzi Zakaria berkata, siasatan sedang dilakukan dan tindakan akan diambil terhadap aduan yang dibuat oleh pesawah.

Menurut Mohd. Hafzi, kawasan berkenaan termasuk dalam kerja-kerja pembersihan berjadual yang dilakukan oleh MADA bermula pada 7 September lalu dan dijangka selesai pada 30 September ini.

"Pihak MADA telah mempercepatkan kerja-kerja pembersihan di kawasan terlibat.

"Kami memohon masyarakat setempat dapat memainkan peranan supaya menjaga sungai dan tali air dengan tidak membuang sampah di tempat tersebut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2020	BERITA RTM	ONLINE	

100 unit penempatan semula nelayan bakal dibina



LABUAN, 26 September- Sebanyak RM17 juta diperuntukkan bagi melaksanakan pembinaan 100 unit rumah penempatan semula nelayan di Labuan.

Ia akan dilaksanakan pada tahun hadapan, membabitkan keluasan tanah sekitar lapan hektar di Kampung Sungai Buton.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dr. Fary Akmal Osman, berkata, peruntukan pelaksanaan projek itu di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga nelayan.

Beliau menyatakannya selepas Majlis Sanjungan Budi dan penyampaian hadiah Pertandingan Keceriaan Lampu, sempena Hari Wilayah Persekutuan 2020, di Labuan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	28

90 peratus keluarga terpilih di Perak terima kit Pakej Bumi Hijau

PARIT BUNTAR - Hampir 90 peratus daripada 11,081 keluarga terpilih di Perak telah pun menerima kit Pakej Bumi Hijau yang melibatkan peruntukan sebanyak RM800,000 sejak pakej itu diperkenalkan pada Jun lepas.

Exco Pertanian, Perikanan, Perlindungan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahri berkata, kit yang mengandungi benih sayur-sayuran dan buah-buahan itu diharapkan dapat menggalakkan masyarakat mengusahakan tanaman di kawasan rumah

sekali gus membantu mengurangkan kos sara hidup.

Beliau berkata, antara yang diagihkan adalah benih tanaman bayam, kangkung, sawi, bendi, cili dan betik selain baja, tanah dan pasu.

“Bantuan itu juga merupakan usaha kerajaan untuk membantu rakyat yang hilang pekerjaan akibat penularan Covid-19 dengan menjadikan kawasan sekitar rumah mereka sebagai tempat menanam sayur-sayuran segar yang bebas daripada penggunaan bahan ki-

mia,” katanya pada sidang akhbar majlis perasmian mini Hari Tani Peladang Peringkat Daerah Kerian 2020 di sini kelmarin.

Abdul Yunus yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Krau berkata, Jabatan Pertanian turut menggerakkan Pakej Bantuan Petani Covid-19 membabitkan kos RM856,000 yang menyaksikan petani terpilih menerima bantuan baja dan racun bernilai RM3,000 untuk melaksanakan projek pertanian masing-masing. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	27

TAK RAMAI MENCARUM

Hanya 5,446 nelayan sertai SKSPS

Oleh M Hifzuddin
Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Sungai Petani

Hanya 5,446 nelayan mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) berbanding lebih 40,000 golongan itu di seluruh negara.

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, individu yang bekerja sendiri termasuk nelayan dan petani digalakkan mencarum bagi menjamin masa hadapan mereka.

Katanya, Perkeso memulakan kerjasama bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sejak Ogos lalu bagi memastikan lebih 40,000 nelayan yang me-



DR Mohammed Azman

nerima Elaun Sara Hidup turut dilindungi.

“Kita sebenarnya menggalakkan semua pekerja sendiri mencarum, tetapi ramai pihak menganggap caruman Perkeso membebankan. Tetapi jika berlaku sesuatu tidak diingini, mereka bakal menerima banyak faedah.

“Contohnya hari ini (semalam), keluarga Allahyarham Zulkifli Mohamad, 52, yang menjadi nelayan pertama di negara ini layak mendapat faedah Perkeso walaupun baharu mencarum mulai Ogos lalu,” katanya di Kampung Kuala Segantang Garam di sini, semalam.

Terdahulu, Mohammed Azman menyampaikan Faedah Pengurusan Mayat, Faedah Orang Tanggungan dan Faedah Pencen Penakat kepada keluarga Zulkifli yang lemas ketika menangkap ikan di perairan Tanjung Dawai di sini, pada 18 September lalu.

Turut hadir, Ahli Jawatankuasa SKSPS, Ahmad Yahya dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Dawai, Hanif Ghazali serta Timbalan Pengarah LKIM Kedah, Fairus Ariffin.

26/9/2020

SINAR
HARIANNEGERI
KEDAH

27

Waris nelayan lemas terima manfaat SKSPS daripada Perkeso

SUNGAI PETANI - Mangsa lemas ketika pulang menangkap ikan di Segantang Garam, Merbok merupakan kes pertama membabitkan nelayan yang menerima Faedah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di negara ini.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, waris kepada mangsa, Allahyarham Zulkifli Mohammad, 52, adalah penerima pertama membabitkan Bencana Pekerjaan Sendiri sejak skim berkenaan diperluaskan kepada golongan terbabit tahun ini.

Menurutnya, berdasarkan rekod, mangsa telah mendaftar SKSPS pada 15 Ogos 2020, bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 ketika menjadi nelayan dan pernah bekerja sebagai pemandu lori dengan beberapa syarikat sebelum ini membolehkan dia membuat caruman menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

“Semakan mendapati Al-



Mohammed Azman menyerahkan Faedah Pengurusan Mayat kepada Muhammad Harris (dua dari kiri) di Kampung Kuala Segantang Garam, Merbok semalam.



Muhammad Danial dan Nur Diyana menerima faedah yang disampaikan Mohammed Azman (dua dari kanan) semalam.

Iahyarham Zulkifli memenuhi syarat kelayakan dan melayakan waris, Muhammad Danial Ikmal, 18, dan Nur Diyana Basirah, 15, menerima faedah di bawah kedua-dua skim iaitu Faedah Orang Tanggungan sebanyak RM567 sebulan dan Faedah Pencen Penakat sebanyak RM804.37 sebulan sehingga berumur 21 tahun atau sehingga mereka berkahwin.

“Anak sulung Allahyar-

ham, Mohamad Harris, 27, pula menerima Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000.”

Katanya ketika hadir membuat penyerahan kepada waris mangsa di Kampung Kuala Segantang Garam di sini semalam.

Hadir sama, Ahli Jawatan-

kuasa SKSPS, Ahmad Yahya; Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah, Fairus Ariffin

dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Dawai, Hanif Ghazali.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan seorang nelayan lemas selepas terjatuh akibat dilanggar sebuah bot yang dipandu laju ketika pulang menangkap ikan berdekatan muara Jeli Pengkalan Segantang Garam dalam kejadian pada 18 September lalu.

Mengulas lanjut, Moham-

med Azman berkata, mangsa telah berdaftar dan membuat caruman untuk setahun sebanyak RM1,572.00 pada Ogos lalu membolehkan waris mangsa layak menerima manfaat.

Katanya, sejak Memorandum Persefahaman ditandatangani antara Perkeso dan LKIM pada 9 Ogos lalu, seramai 5,446 nelayan seluruh negara telah berdaftar sebagai pencariar SKSPS.

26/9/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

10

Nelayan kena carum Perkeso demi masa depan

SUNGAI PETANI: Lebih 40,000 nelayan di negara ini disaran mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bagi menjamin masa depan mereka jika berlaku sesuatu tidak ditingini.

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, setakat ini hanya 5,446 nelayan mencarum di bawah skim tersebut.

Menurut beliau, pihaknya menggalakkan lebih ramai individu bekerja sendiri seperti nelayan tidak ketinggalan mencarum SKSPS di bawah Perkeso. Kata beliau, Perkeso telah mengadakan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sejak Ogos lalu bagi menarik golongan nelayan menyertai skim tersebut.

"Kita menggalakkan semua pekerja sendiri mencarum, ramai pihak mengangap caruman Perkeso membebankan, tetapi jika berlaku sesuatu mereka bakal menerima banyak faedah.

"Contohnya hari ini (semalam), keluarga Allahyarham Zulkifli Mohamad, 52, menjadi

nelayan pertama negara ini layak mendapat faedah Perkeso, walaupun baru mencarum Ogos lalu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan cek faedah SKSPS kepada keluarga anak sulung arwah Zulkifli iaitu Mohamad Harris, 27, di Kampung Segantang Garam, Merbok di sini semalam.

Arwah Zulkifli lemas ketika keluar menangkap ikan di muara sungai dekat Jeti Segantang Garam pada 18 September lalu.

Selain itu, Mohammed Azman berkata, pihaknya mendapati berlaku penurunan individu hilang pekerjaan di negara ini bagi tempoh Ogos dan September.

"Berdasarkan data Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), jumlah pemohon SIP menurun menandakan sektor pekerjaan kembali pulih berbanding ketika awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Beliau memberitahu, sehingga 23 September lalu, Perkeso menerima 82,189 permohonan SIP dan membayar lebih RM200 juta kepada pekerja terjejas.



MOHAMMED AZMAN AZIZ (dua dari kanan) menyampaikan cek faedah SKSPS kepada anak sulung arwah Zulkifli, **Mohamad Harris** di Kampung Segantang Garam, Merbok di Sungai Petani semalam.